PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Pertumbuhan sederhana pada suku pertama

Pertumbuhan ekonomi Malaysia terus stabil walaupun berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 4.7% (S4 11: 5.2%). Meskipun permintaan dalam negeri terus kukuh, pertumbuhan telah terjejas oleh penguncupan yang berterusan dalam eksport bersih. Permintaan dalam negeri disokong oleh aktiviti ekonomi sektor swasta dan sektor awam. Ini dicerminkan dalam pertumbuhan import barangan modal yang lebih kukuh dan pertumbuhan import barangan penggunaan yang mampan. Penggunaan swasta kekal kukuh, disokong terutamanya oleh peningkatan pendapatan yang berterusan dan keadaan pasaran pekerja yang stabil dan diperkukuh oleh harga komoditi yang tinggi, sentimen pengguna yang bertambah baik, serta pemberian bantuan kewangan daripada program-program sokongan pendapatan. Pelaburan swasta berkembang dengan kukuh, disokong oleh pelaksanaan projek pelaburan, terutamanya dalam sektor minyak dan gas. Walau bagaimanapun, eksport bersih terus menurun disebabkan oleh pertumbuhan eksport yang menjadi sederhana berikutan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam eksport produk berasaskan sumber dan komoditi, terutamanya berpunca daripada harga komoditi pertanian yang lebih rendah. Dari segi penawaran, kebanyakan sektor ekonomi utama terus menjadi sederhana, disebabkan pertumbuhan yang lebih lemah dalam aktiviti yang berorientasikan eksport lebih daripada mengimbangi pertumbuhan yang mampan dalam aktiviti yang berorientasikan dalam negeri.

Permintaan dalam negeri kekal kukuh

Permintaan dalam negeri mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 9.6% pada suku pertama (S4 11: 10.4%). Pertumbuhan disokong oleh pengembangan yang berterusan dalam perbelanjaan sektor awam dan swasta, khususnya dalam bentuk pelaburan.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan
(pada harga malar tahun 2005)

	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	8.2	10.4	8.2	9.6
Penggunaan	7.7	11.1	8.9	7.1
Sektor swasta	*6.9*	*7.3*	*7.1*	*7.4*
Sektor awam	*11.1*	*22.9*	*16.1*	*5.9*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	9.8	8.4	6.5	16.1
Sektor swasta	24.9	18.8	12.2	19.8
Sektor awam	-8.2	1.9	-0.3	10.3
Eksport Bersih	-27.4	-10.5	-7.4	-20.8
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*1.9*	*5.5*	*4.2*	*2.8*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*9.3*	*7.8*	*6.2*	*6.8*
KDNK	**5.1**	**5.2**	**5.1**	**4.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan swasta kekal kukuh pada 7.4% (S4 11: 7.3%), disokong oleh peningkatan pendapatan yang berterusan dan keadaan pasaran pekerja yang stabil dan diperkukuh oleh harga komoditi yang tinggi, sentimen pengguna yang bertambah baik serta inflasi yang lebih rendah. Pengagihan bantuan kewangan daripada program-program sokongan pendapatan terus memberikan sokongan kepada penggunaan swasta pada suku pertama. Peningkatan perbelanjaan pengguna yang mampan dicerminkan dalam pertumbuhan import yang kukuh bagi barangan penggunaan, jualan makanan dan minuman, serta perbelanjaan kad kredit. Indeks Sentimen Pengguna MIER meningkat kepada 114.3 mata (S4 11: 106.3 mata), mencerminkan keyakinan pengguna yang bertambah baik.

Penggunaan awam berkembang sebanyak 5.9% (S4 11: 22.9%) hasil daripada peningkatan perbelanjaan Kerajaan yang berterusan bagi emolumen dan bekalan serta perkhidmatan.

Pembentukan modal tetap kasar meningkat pada kadar yang lebih cepat sebanyak 16.1% (S4 11: 8.4%), disokong oleh perbelanjaan modal sektor awam dan swasta. Pelaburan sektor swasta berkembang sebanyak 19.8% (S4 11: 18.8%), disokong oleh pelaksanaan

projek-projek pelaburan, terutamanya dalam sektor minyak dan gas dan sektor perkilangan. Penunjuk pelaburan utama seperti import barangan modal, jualan bahan-bahan berkaitan pembinaan dan pengeluaran pinjaman kepada perniagaan telah mencatatkan prestasi yang kukuh, mencerminkan peningkatan selanjutnya dalam kegiatan pelaburan swasta. Yang ketara, Indeks Keadaan Perniagaan MIER menjadi lebih kukuh kepada 116.5 mata (S4 11: 96.6 mata) dan kapasiti penggunaan dalam sektor perkilangan kekal tinggi. Pelaburan awam mencatat pertumbuhan sebanyak 10.3% (S4 11: 1.9%), didorong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan dan perbelanjaan modal yang terus tinggi oleh perusahaan awam bukan kewangan (PABK) dalam sektor pengangkutan dan perlombongan. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang lebih tinggi terutamanya disalurkan ke dalam sektor perdagangan dan perindustrian, serta kemudahan awam.

Keyakinan pengguna dan perniagaan meningkat



Sumber: MIER

Pertumbuhan stabil dalam kebanyakan sektor ekonomi

Dari segi penawaran, sektor perkhidmatan dan perkilangan terus menjadi sederhana pada suku pertama 2012, mencerminkan pertumbuhan yang lebih sederhana dalam sektor luaran walaupun pertumbuhan ekonomi dalam negeri berterusan. Pertumbuhan dalam sektor pembinaan bertambah kukuh, disokong terutamanya oleh subsektor kejuruteraan awam dan subsektor kediaman. Dalam sektor komoditi, pertumbuhan dalam sektor pertanian menjadi sederhana, manakala sektor perlombongan berubah arah untuk mencatat pertumbuhan yang kecil.

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2005)

	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Pertanian	-0.2	6.9	5.9	2.1
Perlombongan	-3.9	-3.8	-5.7	0.3
Perkilangan	5.7	5.2	4.7	4.2
Pembinaan	5.1	7.5	4.6	15.5
Perkhidmatan	7.1	6.6	7.0	5.0
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**5.1**	**5.2**	**5.1**	**4.7**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding dengan Tempoh Sebelumnya)	**-2.7**	**1.8**	**5.1**	**-3.2**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan sebanyak 5% pada suku pertama (S4 11: 6.6%), menyumbang sebanyak 2.7 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan. Pertumbuhan disokong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit; harta tanah dan perkhidmatan perniagaan; serta subsektor komunikasi, sejajar dengan keadaan permintaan dalam negeri yang menggalakkan.

Pertumbuhan dalam subsektor **perdagangan borong dan runcit** mampan pada 6.4% (S4 11: 6.8%), didorong terutamanya oleh segmen runcit, disebabkan perbelanjaan penggunaan isi rumah yang kekal kukuh dalam keadaan sentimen pengguna yang bertambah baik. Subsektor **komunikasi** terus berkembang sebanyak 9.4% (S4 11: 8.8%), disebabkan oleh permintaan terhadap perkhidmatan mudah alih dan jalur lebar yang kekal teguh. Pertumbuhan yang lebih tinggi dalam subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan (6.9%; S4 11: 4.4%), mencerminkan terutamanya peningkatan perkhidmatan profesional, yang memperoleh manfaat daripada sektor pembinaan dan perlombongan. Pertumbuhan dalam subsektor **pengangkutan dan penyimpanan** adalah mampan pada 5.9% (S4 11: 6%), didorong terutamanya oleh pengangkutan darat, ekoran

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2011 (%)	2011			2012
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Perkhidmatan Pengantara	**40.6**	**6.5**	**6.7**	**6.2**	**5.1**
Kewangan & insurans	17.0	7.7	7.1	6.5	2.0
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	10.0	5.7	4.4	5.5	6.9
Pengangkutan & penyimpanan	6.8	4.1	6.0	5.4	5.9
Komunikasi	6.8	6.2	8.8	7.6	9.4
Perkhidmatan Akhir	**59.4**	**7.7**	**6.4**	**7.5**	**4.9**
Perdagangan borong & runcit	26.6	6.6	6.8	7.1	6.4
Penginapan & restoran	4.5	4.8	6.3	6.0	6.1
Utiliti	4.7	1.7	3.6	3.1	5.0
Perkhidmatan Kerajaan	14.3	14.5	10.4	12.4	2.3
Perkhidmatan lain	9.4	4.9	2.5	4.7	4.3
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**	**7.1**	**6.6**	**7.0**	**5.0**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2010	2011				2012
	S4	S1	S2	S3	S4	S1
	Indeks					
Indeks Sentimen Pengguna MIER	117.2	108.2	107.9	108.7	106.3	114.3
Indeks Perdagangan Runcit MIER	132.0	99.1	120.8	150.0	92.6	85.3
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	124.6	113.1	125.4	115.2	126.0	125.2
	Perubahan tahunan (%)					
Ketibaan pelancong	1.7	-3.9	-5.2	4.3	4.9	n.a.
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	6.3	11.8	13.4	10.8	7.0	6.4
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	9.8	9.5	8.7	8.5	9.5	7.8
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	7.5	7.2	6.8	9.6	11.5	11.2
Import barangan penggunaan	6.9	5.8	17.5	26.5	25.4	20.3
Jumlah jualan kenderaan bermotor	9.3	7.5	-9.7	0.6	-1.5	-12.6
Kargo kontena yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	9.6	14.4	9.6	9.8	11.5	7.4

Sumber: Pelbagai sumber

pengeluaran dalam negeri yang berterusan yang lebih daripada mengimbangi kegiatan pengangkutan berkaitan perdagangan yang menjadi sederhana. Subsektor **kewangan dan insurans** mencatat pertumbuhan yang sederhana sebanyak 2% (S4 11: 7.1%), disebabkan oleh margin faedah bersih yang menjadi lebih kecil ekoran persaingan yang sengit antara institusi kewangan untuk mendapatkan deposit dan meningkatkan kegiatan pemberian pinjaman. Pendapatan berasaskan fi juga menjadi sederhana, seiring dengan nilai urus niaga pasaran yang lebih rendah di Bursa Malaysia.

Pertumbuhan dalam **sektor perkilangan** menjadi sederhana kepada 4.2% (S4 11: 5.2%), mencerminkan terutamanya pertumbuhan sederhana dalam industri berorientasikan eksport. Prestasi **industri berorientasikan eksport** telah terjejas oleh penguncupan yang berterusan dalam kelompok elektronik dan keluaran elektrik (E&E). Permintaan global yang lemah terhadap separa konduktor lebih daripada mengimbangi pertumbuhan yang positif dalam segmen elektrik, yang disokong oleh permintaan yang lebih tinggi dari rantau ASEAN. Pertumbuhan dalam kelompok keluaran berkaitan sumber menjadi sederhana, berikutan permintaan yang lebih perlahan untuk plastik yang digunakan dalam E&E dan sebagai bahan pembungkusan, serta permintaan serantau yang lebih perlahan untuk tayar getah. Walau bagaimanapun, pertumbuhan dalam **industri berorientasikan pasaran dalam negeri** kekal stabil.

Kelompok berkaitan pembinaan mendapat manfaat daripada kegiatan pembinaan yang mampan, manakala pertumbuhan dalam kelompok berkaitan pengguna didorong oleh pengeluaran yang lebih tinggi dalam industri makanan, minuman dan tembakau, sejajar dengan pertumbuhan yang kukuh dalam penggunaan swasta.

Prestasi Sektor Perkilangan

	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan Tahunan (%)			
Nilai Ditambah (RM juta pada harga tahun 2005)	**5.7**	**5.2**	**4.7**	**4.2**
Pengeluaran Perkilangan Keseluruhan[1]	**5.9**	**5.3**	**4.7**	**4.4**
Industri berorientasikan eksport	**5.1**	**2.9**	**3.4**	**2.7**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**-5.3**	**-3.0**	**-3.6**	**-0.1**
Antaranya:				
Elektronik	-18.1	-10.3	-11.7	-3.7
Keluaran elektrik	17.9	6.5	8.4	4.4
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**11.3**	**6.1**	**7.4**	**4.1**
Antaranya:				
Kimia dan keluaran kimia	5.5	14.1	8.8	8.4
Keluaran petroleum	26.0	-1.1	6.2	3.8
Keluaran getah	12.4	9.5	13.9	2.2
Pemprosesan di luar estet	-7.4	13.8	8.7	2.2
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**8.9**	**12.8**	**8.9**	**9.8**
Kelompok berkaitan pembinaan	**22.1**	**12.3**	**17.6**	**10.3**
Antaranya:				
Keluaran berkaitan pembinaan	15.3	8.3	13.0	1.0
Keluaran logam yang direka	32.0	17.5	23.8	21.9
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**-0.3**	**13.2**	**2.6**	**9.4**
Antaranya:				
Kelengkapan pengangkutan	-3.9	15.1	-1.0	7.1
Makanan, minuman & keluaran tembakau	6.7	9.8	5.9	9.7

[1]Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan*



* Mulai tahun 2012, penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2006 kepada nilai tambah tahun 2009

Sumber: Bank Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia

Secara keseluruhan, penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan adalah lebih tinggi pada 80% (S4 11: 79%). Industri berorientasikan eksport dan pasaran dalam negeri beroperasi masing-masing pada 80% dan 77% daripada jumlah kapasiti pada suku pertama (S4 11: masing-masing 81% dan 74%).

Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh pada suku pertama (15.5%; S4 11: 7.5%), dipacu terutamanya oleh subsektor kejuruteraan awam dan kediaman. Pertumbuhan disokong oleh kemajuan dalam pelaksanaan projek-projek infrastruktur utama seperti Jambatan Kedua Pulau Pinang, KLIA 2, Saluran Gas Sabah-Sarawak, Terminal Regasification di Melaka dan Projek Landasan Berkembar Ipoh-Padang Besar. Subsektor kediaman juga mencatat pertumbuhan yang berterusan disebabkan oleh peningkatan yang ketara dalam bilangan projek perumahan. Peningkatan dalam segmen bukan kediaman disokong oleh pembinaan bangunan komersial, kilang, hospital dan institusi pembelajaran.

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai kerja pembinaan	8.8	12.9	5.7	14.2
Permit jualan dan pengiklanan baharu	25.1	22.4	16.1	12.5
Kelulusan perumahan	31.6	29.8	32.2	75.6
Pengeluaran[1] bahan berkaitan pembinaan	22.1	12.3	17.6	10.3
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	29.3	64.4	26.0	38.2
Import bahan berkaitan pembinaan	-1.2	9.4	13.9	9.5

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan nilai tambah dalam **sektor pertanian** menjadi sederhana kepada 2.1% (S4 11: 6.9%), kesan daripada pengeluaran getah dan ikan yang lebih rendah, disebabkan oleh keadaan cuaca yang buruk. **Sektor perlombongan** berubah arah untuk berkembang sebanyak 0.3% (S4 11: -3.8%), mencerminkan pertumbuhan yang positif dalam pengeluaran minyak mentah, berikutan usaha-usaha untuk meningkatkan pemulihan pengeluaran daripada telaga minyak yang sedia ada.

Prestasi Sektor Pertanian

	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**-0.2**	**6.9**	**5.9**	**2.1**
Tanaman Industri	**-6.9**	**7.8**	**5.8**	**1.4**
Tanaman Makanan	**9.2**	**5.6**	**6.1**	**2.8**
Pengeluaran				
Antaranya:				
Minyak sawit mentah	-7.7	16.2	11.3	3.2
Getah	2.8	-7.4	6.1	-9.6
Ternakan	-6.3	11.1	4.4	25.5

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2011			2012
	S4	Tahun	S3	S4
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**-3.9**	**-3.8**	**-5.7**	**0.3**
Pengeluaran				
Antaranya:				
Minyak mentah dan kondensat	-8.2	-6.6	-10.7	0.1
Gas asli	-0.6	0.7	0.0	-0.2

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Rencana: Semakan Tahun Asas bagi KDNK Malaysia daripada Harga bagi Tahun Asas 2000 kepada Tahun Asas 2005

Jabatan Perangkaan Malaysia menyusun data Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia dan menerbitkan data tersebut dalam tempoh enam minggu dari berakhirnya setiap suku tahunan. Berkuat kuasa suku pertama 2012, anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia pada harga malar adalah berdasarkan harga bagi tahun asas 2005,dan bukan lagi berdasarkan harga bagi tahun asas 2000. Pelaksanaan semakan tahun asas oleh Jabatan Perangkaan ini juga mencerminkan penambahbaikan dalam sumber data serta penggunaan garis panduan antarabangsa yang terkini dalam rangka kerja perangkaan Sistem Akaun Negara 2008 (System of National Accounts, SNA 2008)[1].

Tujuan Pelaksanaan Semakan Tahun Asas

SNA 1993 menyarankan bahawa tahun asas bagi siri harga malar perlu disemak setiap lima tahun. Di samping itu, United Nations Statistical Office telah menyarankan bahawa tahun asas perlu berakhir mengikut angka sifar atau lima, sebagai contoh, tahun asas 2000 atau 2005. Oleh itu, amalan menyemak tahun asas KDNK merupakan satu amalan yang standard oleh agensi perangkaan di seluruh dunia. Antara lain, Amerika Syarikat, Jepun, Itali, Korea Selatan dan Singapura kini menggunakan tahun 2005 sebagai tahun asas baharu mereka, manakala China Taipei menggunakan tahun asas 2006. Semakan tahun asas KDNK adalah perlu untuk memastikan bahawa perangkaan akaun negara mencerminkan perubahan terkini dalam struktur ekonomi dan harga relatif (relative price) dalam ekonomi. Dengan mengekalkan harga relatif pada harga malar, KDNK pada harga malar akan mencerminkan perubahan dalam jumlah kegiatan ekonomi sahaja. Walau bagaimanapun, harga relatif barangan dan perkhidmatan berubah dari semasa ke semasa disebabkan oleh keadaan permintaan yang berubah-ubah, yang dengan sendirinya akan menyebabkan pengagihan sumber dan pengeluaran yang lebih meluas kepada sektor ekonomi tertentu berbanding dengan sektor ekonomi lain. Oleh itu, wajaran relatif bagi harga tahun asas yang lama tidak lagi mencerminkan dengan tepat struktur semasa bagi sesebuah ekonomi.

Di samping itu, pelaksanaan semakan tahun asas telah memasukkan konsep dan metodologi yang ditambah baik seperti yang disyorkan oleh SNA 2008. Sebagai contoh, jika pada masa lalu, kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dianggap sebagai input perantaraan dalam pengeluaran, kini R&D ditunjukkan sebagai output dalam KDNK Malaysia, sekali gus mengukur sumbangan R&D kepada ekonomi. Ini penting kerana R&D merupakan komponen penting dalam perbelanjaan pelaburan untuk memacu pertumbuhan. Terdapat juga perubahan dalam pengiraan FISIM[2], iaitu penggunaan perkhidmatan pengantaraan kewangan kini diagihkan merentas sektor, lantas memberikan gambaran yang lebih jelas tentang nilai ditambah sebenar dalam pelbagai sektor ekonomi. Secara keseluruhan, tahun asas baharu KDNK akan membolehkan perbandingan yang lebih baik antara akaun negara Malaysia dengan negara-negara lain yang menggunakan kaedah baharu ini.

---

[1] Penerbitan manual Sistem Akaun Negara yang terdahulu adalah pada tahun 1993. Ekonomi perindustrian dan serantau yang lain juga telah mula menerima pakai saranan terpilih daripada SNA 2008.

[2] FISIM bermaksud Financial Intermediation Services Indirectly Measured (Perkhidmatan Pengantaraan Kewangan yang Diukur Secara Tidak Langsung), yang merupakan ukuran tidak langsung untuk menilai perkhidmatan pengantaraan kewangan yang disediakan tetapi tidak dicaj secara eksplisit oleh institusi kewangan. (Sumber: OECD).

Penambahbaikan dalam sumber-sumber data serta maklumat yang lebih menyeluruh mengenai industri juga memberi gambaran yang lebih tepat tentang ekonomi. Jadual Penawaran dan Penggunaan serta Jadual Input-Output Tahun 2005 yang telah disiapkan menyediakan rangka kerja yang diperlukan untuk menyemak ketekalan perangkaan bagi aliran barangan dan perkhidmatan yang diperoleh daripada kaji selidik dan banci Jabatan Perangkaan yang lain dan terkini (contohnya Banci Ekonomi dan Penyiasatan Industri Tahunan serta Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah Tahunan). Selain itu, kemasukan industri-industri baharu, seperti terminal minyak dalam subsektor perkhidmatan pengangkutan dan penyimpanan serta Jatropha, sarang burung dan kenaf dalam sektor pertanian, juga meningkatkan liputan perangkaan akaun negara yang terkini.

Jadual 1 menggariskan beberapa perubahan utama pada siri dengan semakan tahun asas.

Jadual 1: Perubahan dan Penambahbaikan Utama dalam Penyusunan Terkini Akaun Negara

	Perubahan dan Penambahbaikan Utama	Keterangan
1	Perubahan dalam konsep menurut SNA 2008	• Pemodalan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) - Dari segi permintaan, R&D dicerminkan dalam pembentukan modal tetap kasar - Dari segi penawaran, R&D dicerminkan merentas semua sektor • Sebelum ini, R&D tidak diambil kira dalam akaun negara kerana dianggap sebagai input perantaraan dalam pengeluaran
		• FISIM dikira berdasarkan pinjaman dan deposit dengan menggunakan kaedah kadar rujukan pada asas tahunan dan bukan perbezaan antara faedah yang diterima dengan faedah yang dibayar
		• Perbelanjaan awam ke atas sistem persenjataan kini dipermodalkan
2	Penambahbaikan metodologi	• Elemen FISIM kini diagihkan merentas semua sektor.Sebelum ini, disebabkan oleh data yang terhad, FISIM dikira secara eksplisit
3	Penambahbaikan sumber-sumber data dan maklumat	• Ketersediaan Banci Ekonomi 2006, Jadual Penawaran dan Penggunaan serta Jadual Input-Output 2005, Kaji Selidik Perbelanjaan Isi Rumah 2004-2005, pelbagai kajian tahunan dan banci khusus industri • Aktiviti baharu dimasukkan seperti terminal minyak dalam subsektor perkhidmatan pengangkutan dan penyimpanan, serta Jatropha, sarang burung dan kenaf dalam sektor pertanian

Implikasi utama

KDNK dari segi nominal adalah lebih tinggi berbanding dengan sebelum ini, mencerminkan maklumat baharu dan penambahbaikan dalam sumber-sumber data. KDNK nominal Malaysia meningkat kepada RM881 bilion pada tahun 2011 (sebelum ini: RM853 bilion), menandakan pendapatan negara kasar (PNK) per kapita sebanyak RM29,661 (sebelum ini: RM29,094). Peningkatan KDNK selepas pelaksanaan semakan tahun asas adalah selaras dengan negara-negara lain selepas membuat semakan masing-masing (Jadual 2).

Jadual 2: KDNK Nominal untuk Negara Terpilih (pada tahun perubahan asas)

Negara	KDNK Nominal Sebelum Perubahan Asas	KDNK Nominal Selepas Perubahan Asas	Semakan (%)
Korea Selatan (bil won)	**810,516** (2000=100)	**865,241** (2005=100)	**6.8**
Filipina (bil PHP)	**3,355** (1985=100)	**3,581** (2000=100)	**6.7**
Malaysia (bil RM)	**522** (2000=100)	**544** (2005=100)	**4.0**
Singapura (bil $S)	**202** (2000=100)	**209** (2005=100)	**3.4**
China Taipei (bil NT$)	**11,918** (2001=100)	**12,243** (2006=100)	**2.7**
Amerika Syarikat (bil USD)	**12,422** (2000=100)	**12,638** (2005=100)	**1.7**

Dari segi penawaran, sektor perkhidmatan mencakupi bahagian terbesar, diikuti oleh sektor perkilangan, perlombongan, pertanian dan pembinaan. Sektor komoditi mempunyai bahagian yang lebih besar, mencerminkan harga komoditi yang secara relatif lebih tinggi daripada harga bukan komoditi pada tahun 2005 berbanding dengan tahun 2000 (Jadual 3). Dari segi permintaan, pembentukan modal tetap kasar mencakupi bahagian KDNK yang lebih besar, manakala bahagian penggunaan swasta adalah rendah sedikit pada 49.8% (tahun asas 2000: 54.1%) (Jadual 4).

Jadual 3: KDNK Benar Mengikut Aktiviti Ekonomi (2011)

	Pembahagian peratus KDNK 2011 (%)	
	Harga 2000	Harga 2005
Pertanian	**7.3**	**7.7**
Perlombongan	**6.3**	**8.8**
Perkilangan	**27.5**	**25.1**
Pembinaan	**3.2**	**3.0**
Perkhidmatan	**58.6**	**54.2**
KDNK	**100.0**	**100.0**
Tolak: FISIM	*4.2*	-
Campur: Duti Import	*1.3*	*1.2*

Jadual 4: KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan (2011)

	Pembahagian peratus KDNK 2011 (%)	
	Harga 2000	Harga 2005
Penggunaan Swasta	**54.1**	**49.8**
Pengunaan Awam	**14.9**	**13.2**
Pembentukan Modal Tetap Kasar *Pelaburan Swasta* *Pelaburan Awam*	**22.1** *12.0* *10.1*	**23.5** *13.4* *10.1*
Perubahan dalam stok[1] (RM billion, harga malar)	**7.8**	**3.2**
Export bersih barangan dan perkhidmatan *Export* *Import*	**7.7** *108.4* *100.7*	**13.1** *100.6* *87.5*
KDNK	**100.0**	**100.0**

[1]*Termasuk perbezaan perangkaan*

Kesimpulan

KDNK Malaysia telah diasaskan semula kepada harga tahun asas 2005 bagi mencerminkan perubahan terkini dalam struktur ekonomi dan harga relatif dalam ekonomi. Selain itu, penambahbaikan konsep dan metodologi yang selaras dengan standard antarabangsa terkini akan meletakkan Malaysia setara dengan amalan negara-negara lain.

Inflasi menjadi sederhana pada suku pertama

Kadar inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP), menjadi sederhana kepada 2.3% pada suku pertama (S4 11: 3.2%), mencerminkan inflasi yang lebih rendah dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* serta *pengangkutan*.

Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* menjadi sederhana kepada 3.5% pada suku pertama (S4 11: 5.3%), disebabkan terutamanya oleh kenaikan kecil dalam harga daging (1.1%; S4 11: 8.5%) dan penurunan sebanyak 3.7% dalam harga sayur-sayuran (S4 11: +1.9%). Inflasi makanan yang lebih rendah ini mencerminkan pelaksanaan kawalan harga semasa musim perayaan ke atas produk makanan terpilih oleh Kerajaan pada bulan Januari, selain bekalan ayam yang berlebihan, hasil tanaman yang lebih baik daripada jangkaan serta import sayur-sayuran yang lebih murah pada bulan Februari dan Mac.

Inflasi dalam kategori *pengangkutan* menjadi sederhana kepada 1.4% (S4 11: 3.2%) pada suku pertama memandangkan kesan daripada pelarasan harga petrol RON97 pada bulan Januari dan Februari 2011 semakin berkurang.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat dengan lebih perlahan pada 3.8% pada asas tahunan pada suku pertama (S4 11: 7.5%). Dari segi komposisi, harga komponen berkaitan dengan komoditi dan komponen tidak berkaitan dengan komoditi masing-masing mencatat kenaikan lebih rendah pada 9.2% dan 0.8% (S4 11: masing-masing 18.3% dan 2.1%). Harga komponen IHPR tempatan meningkat dengan lebih perlahan pada 4.8% (S4 11: 9.7%) manakala harga komponen IHPR yang diimport juga menjadi lebih sederhana dengan peningkatan sebanyak 1.4% (S4 11: 2.4%).

Keadaan pasaran pekerja terus menggalakkan pada suku pertama

Keadaan pasaran pekerja secara keseluruhannya terus menggalakkan pada suku pertama, dengan kadar pengangguran kekal rendah pada 3% (S4 11: 3%). Jumlah tenaga kerja purata pada suku tersebut ialah 12.4 juta. Ini merupakan pertambahan tenaga kerja bersih sebanyak 232.4 ribu orang berbanding dengan suku keempat 2011. Jumlah pemberhentian pekerja pada suku tersebut bertambah kepada 3,388 orang (S4 11: 2,119 orang), terutamanya disebabkan oleh pengambilalihan dua buah syarikat dalam sektor perkilangan dan pembinaan. Pekerja yang diberhentikan dijangka diserap sepenuhnya oleh syarikat yang mengambil alih.

Sumbangan kepada Inflasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan Pasaran Pekerja



Nota: Mulai tahun 2012, data kekosongan jawatan mencerminkan kajian semula teknikal
Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Pada suku pertama, terdapat 316,016 kekosongan jawatan yang diiklankan melalui Portal JobsMalaysia. Disebabkan oleh kajian semula teknikal terhadap sistem portal ini pada bulan Januari 2012, jumlah jawatan yang diiklankan ini tidak boleh dibandingkan dengan 745,205 jawatan yang diiklankan pada suku keempat 2011. Sektor perkilangan mencatat bahagian peluang pekerjaan terbesar (38%), diikuti sektor perkhidmatan (24%) dan pertanian (23%). Upah benar dalam sektor perkilangan naik lebih tinggi berbanding dengan suku sebelumnya (7.1%; S4 11: 5.3%).

Lebihan akaun semasa kekal besar

Lebihan **akaun semasa** lebih kecil pada suku pertama, tetapi jumlahnya kekal besar pada RM18.1 bilion, bersamaan dengan 8.4% daripada PNK. Lebihan yang lebih rendah ini disebabkan terutamanya oleh lebihan barangan yang lebih kecil serta aliran keluar pendapatan yang lebih besar. Lebihan barangan menjadi lebih kecil kepada RM35.8 bilion disebabkan oleh pertumbuhan import mengatasi eksport. Eksport kasar meningkat dengan lebih perlahan pada 4.4% (S4 11: 9.8%) disebabkan terutamanya oleh eksport komoditi dan eksport keluaran perkilangan bukan E&E yang lebih sederhana. Pertumbuhan import kasar adalah rendah sedikit pada 6.9% (S4 11: 7.6%)

Imbangan Pembayaran

	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Akaun Semasa	**24.3**	**22.4**	**97.1**	**18.1**
(% daripada PNK)	*11.9*	*10.0*	*11.3*	*8.4*
Barangan	37.6	36.8	148.1	35.8
Perkhidmatan	-2.2	-3.8	-8.0	-3.8
Pendapatan	-6.0	-5.3	-22.0	-8.6
Pindahan semasa	-5.0	-5.4	-21.0	-5.3
Akaun Kewangan	**-6.6**	**-0.2**	**22.3**	**-10.3**
Pelaburan langsung di luar negeri	-11.1	-14.7	-46.7	-16.9
Pelaburan langsung asing	11.3	6.5	36.6	7.5
Pelaburan portfolio	8.4	-2.7	25.8	25.3
Derivatif kewangan	0.1	-0.3	-0.1	0.0
Pelaburan lain	-15.3	11.0	6.6	-26.1
- Sektor awam	*-0.5*	*-0.1*	*-1.3*	*-0.5*
- Sektor swasta	*-14.7*	*11.1*	*7.9*	*-25.6*
Kesilapan dan ketinggalan	-1.9	-15.9	-24.5	-14.9
Imbangan Keseluruhan	**15.9**	**6.2**	**94.7**	**-7.2**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun Perdagangan

	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Eksport Kasar	**4.9**	**9.8**	**8.7**	**4.4**
Perkilangan	-0.6	2.1	2.0	0.9
E&E	*-7.5*	*-5.0*	*-5.4*	*-1.7*
Bukan E&E	*7.5*	*10.2*	*10.7*	*3.4*
Komoditi	19.5	29.0	26.5	11.7
Pertanian	*26.5*	*18.9*	*32.6*	*-8.0*
Mineral	*14.8*	*36.9*	*22.3*	*26.0*
Import Kasar	**12.5**	**7.6**	**8.6**	**6.9**
Barangan modal	16.7	8.2	9.7	21.0
Barangan pengantara	12.5	2.3	5.4	-1.3
Barangan penggunaan	5.8	25.4	19.0	20.3
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**31.8**	**31.1**	**120.3**	**29.8**

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

ekoran penguncupan dalam import barangan pengantara.

Eksport meningkat dengan lebih sederhana pada suku pertama disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan eksport bukan E&E dan komoditi yang lebih kecil. Eksport bukan E&E berasaskan sumber dan komoditi menjadi sederhana disebabkan terutamanya oleh harga komoditi pertanian yang lebih rendah dalam keadaan permintaan serantau yang kukuh. Eksport mineral kekal mampan, mencerminkan peningkatan permintaan terhadap minyak mentah serta harga minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi. Eksport E&E mencatat kadar penguncupan yang lebih kecil ekoran permintaan luaran yang bertambah baik terhadap komputer dan peralatannya serta barangan elektrik.

Pertumbuhan **import** kasar yang lebih rendah disebabkan terutamanya oleh penurunan import barangan pengantara. Penguncupan import barangan pengantara sebahagian besarnya adalah sejajar dengan penurunan eksport barangan perkilangan. Walau bagaimanapun, import barangan modal dan penggunaan terus berkembang. Pengembangan kukuh dalam import barangan modal disebabkan terutamanya oleh import barangan besar (lumpy import) dan jentera yang lebih tinggi sejajar dengan aktiviti dalam negeri yang bertambah baik. Pertumbuhan import barangan penggunaan kekal mampan, disokong oleh import makanan dan minuman serta barangan pengguna tidak tahan lama.

Malaysia: Destinasi Eksport

	2011			2012	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)				Bahagian daripada jumlah eksport (%)			
Amerika Syarikat	**-8.0**	**-3.5**	**-5.5**	**5.5**	**8.3**	**8.0**	**8.3**	**8.3**
Kesatuan Eropah (EU)	**5.3**	**3.9**	**4.7**	**-10.4**	**10.7**	**10.2**	**10.4**	**9.1**
Negara ASEAN terpilih[1]	**0.1**	**5.6**	**5.4**	**9.3**	**24.6**	**24.3**	**24.3**	**25.8**
Timur Laut Asia	**2.5**	**9.6**	**8.9**	**-2.0**	**24.4**	**24.2**	**24.6**	**22.9**
Republik Rakyat China	*3.9*	*15.3*	*13.9*	*-3.2*	*12.9*	*12.9*	*13.1*	*11.9*
Hong Kong SAR	*0.0*	*-7.3*	*-3.6*	*-8.1*	*4.6*	*4.2*	*4.5*	*4.0*
China Taipei	*16.9*	*14.5*	*12.4*	*-2.0*	*3.2*	*3.4*	*3.3*	*3.0*
Korea	*-8.3*	*9.0*	*6.1*	*9.4*	*3.8*	*3.6*	*3.7*	*4.0*
Asia Barat	**17.6**	**6.5**	**12.1**	**-4.8**	**3.7**	**3.5**	**3.6**	**3.4**
India	**24.2**	**33.7**	**34.6**	**-5.1**	**3.9**	**4.0**	**4.1**	**3.6**
Jumlah eksport	**4.9**	**9.8**	**8.7**	**4.4**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

[1]Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Defisit **akaun perkhidmatan** kekal pada RM3.8 bilion memandangkan aliran keluar bersih perkhidmatan lain yang lebih kecil telah diimbangi oleh pendapatan lebih rendah bagi perkhidmatan pengangkutan dan perjalanan. Aliran keluar bersih yang lebih rendah dalam perkhidmatan lain disebabkan terutamanya oleh kenaikan pendapatan perkhidmatan perniagaan profesional. Sementara itu, pendapatan perkhidmatan pengangkutan yang lebih rendah mencerminkan terutamanya aktiviti perdagangan yang lebih sederhana. **Akaun pendapatan** mencatat defisit yang lebih besar sebanyak RM8.6 bilion memandangkan terdapat penurunan dalam pendapatan pelaburan terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri.

Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih yang lebih besar sebanyak RM10.3 bilion pada suku pertama (S4 11: -RM0.2 bilion), disebabkan terutamanya oleh aliran keluar bersih pelaburan lain yang telah lebih daripada mengimbangi aliran masuk dana portfolio asing yang besar.

Pelaburan portfolio berubah haluan daripada kedudukan aliran keluar bersih yang kecil kepada aliran masuk bersih yang besar sebanyak RM25.3 bilion (S4 11: -RM2.7 bilion). Aliran masuk semula ini sebahagian besarnya mencerminkan pembelian sekuriti hutang dan ekuiti oleh pelabur asing ekoran sentimen pasaran yang bertambah baik dalam pasaran kewangan global, khususnya pada awal suku pertama ini. Perkembangan yang sama juga dilihat dalam ekonomi serantau.

Pelaburan langsung asing (FDI) terus meningkat kepada RM7.5 bilion atau 3.5% daripada PNK (S4 11: +RM6.5 bilion atau 2.9% daripada PNK), hasil daripada aliran masuk modal ekuiti yang lebih besar serta pendapatan tertahan yang lebih tinggi oleh syarikat multinasional (MNC) di Malaysia. Aliran masuk FDI terus menyeluruh pada suku tersebut, dengan sebahagian besar daripadanya merupakan pelaburan syarikat dalam sektor *perlombongan* dan *perkilangan*, khususnya subsektor *E&E* dan *petrokimia*. Subsektor *kewangan dan insurans* serta *maklumat dan komunikasi* juga menerima pelaburan yang agak besar pada suku pertama.

Pelaburan langsung di luar negeri (DIA) oleh syarikat Malaysia juga meningkat, dengan jumlah aliran keluar bersih pada RM16.9 bilion pada suku pertama (S4 11: -RM14.7 bilion). DIA bersih yang lebih besar ini mencerminkan peningkatan dalam pemberian pinjaman antara syarikat kepada anak syarikat di luar negeri dan juga aliran keluar modal ekuiti yang lebih tinggi. Pelaburan ini disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan, khususnya subsektor *kewangan dan insurans, perdagangan borong dan runcit* serta *penjagaan kesihatan*. Terdapat juga pelaburan ke luar negeri yang agak besar oleh syarikat Malaysia dalam sektor *minyak dan gas*. Kebanyakan daripada pelaburan di luar negeri tertumpu terutamanya dalam negara serantau.

Pelaburan lain berubah arah untuk mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM26.1 bilion (S4 11: +RM11 bilion) pada suku pertama hasil daripada pemulihan dalam aliran sektor swasta. Aliran keluar dalam sektor swasta sebahagian besarnya mencerminkan pelaburan dalam aset di luar negeri oleh sektor perbankan serta pemberian kredit perdagangan bersih yang lebih tinggi.

Imbangan pembayaran keseluruhan berubah arah apabila mencatat defisit sebanyak RM7.2 bilion pada suku pertama (S4 11: +RM6.2 bilion), ekoran lebihan akaun semasa yang lebih rendah serta aliran keluar bersih yang lebih tinggi daripada akaun kewangan. Kesilapan dan ketinggalan (E&O) termasuk pelarasan rizab suku tahunan yang mengambil kira pengurangan nilai disebabkan oleh penilaian semula pertukaran asing pada suku pertama, adalah lebih kecil dalam bentuk aliran keluar sebanyak RM14.9 bilion (S4 11: -RM15.9 bilion). Tanpa mengambil kira pengurangan nilai ini, E&O bersih nyata lebih kecil dan mencerminkan kesilapan dan ketinggalan dalam pengumpulan data.

Hutang luar negeri lebih rendah

Jumlah hutang luar negeri Malaysia menurun kepada RM249.5 bilion atau USD80.5 bilion pada akhir bulan Mac 2012 (akhir bulan Disember 11: RM257.4 bilion atau USD80.4 bilion). Jumlah ini bersamaan dengan 27.8% daripada PNK, dan masih merupakan bahagian yang kecil kepada jumlah hutang[2] (12%).

Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang berkurang kepada RM148.6 bilion (akhir bulan Disember 11: RM153.5 bilion), mencerminkan pengukuhan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama dan serantau pada suku pertama. Kedudukan ini telah lebih daripada mengimbangi ambilan bersih peminjaman luar negeri yang kecil oleh sektor awam dan swasta.

Pada akhir bulan Mac 2012, hutang luar negeri jangka pendek adalah lebih kecil

[2] Jumlah hutang merangkumi hutang dalam dan luar negeri. Hutang dalam negeri terdiri daripada pinjaman oleh sistem perbankan, sekuriti hutang swasta dan hutang Kerajaan Persekutuan

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2011		2012
	akhir-Mac	akhir-Dis	akhir-Mac[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	142.3	153.5	148.6
Sektor awam	77.4	83.1	80.0
Sektor swasta	64.9	70.4	68.6
Hutang jangka pendek[1]	91.1	103.9	100.9
Jumlah hutang luar negeri	**233.5**	**257.4**	**249.5**
bersamaan USD bilion	76.4	80.4	80.5
Hutang luar negeri/PNK (%)	27.2	30.0	27.8
Rizab antarabangsa/Hutang luar negeri jangka pendek (kali)	3.8	4.1	4.1[2]

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[2] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 15 Mei 2012
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pada RM100.9 bilion (USD32.6 bilion) dan merupakan 40.4% daripada jumlah hutang luar negeri. Rizab antarabangsa boleh menampung 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab antarabangsa kekal tinggi

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM416.1 bilion (bersamaan dengan USD135.7 bilion) pada 30 Mac 2012. Paras rizab ini telah mengambil kira pengurangan nilai rizab kerana pelarasan suku tahunan penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama dan serantau pada suku pertama. Pada 15 Mei 2012, rizab berjumlah RM417.5 bilion (bersamaan dengan USD136.1 bilion), yang memadai untuk membiayai import tertangguh selama 9.3 bulan dan ialah 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan hasil yang berterusan menyokong perbelanjaan Kerajaan

Hasil Kerajaan Persekutuan pada suku pertama meningkat sebanyak 20.4% pada asas tahunan disebabkan oleh pungutan cukai pendapatan yang mampan dan hasil bukan cukai yang lebih tinggi. Peningkatan hasil ini menyokong peningkatan yang setara dalam perbelanjaan mengurus yang didorong oleh bayaran subsidi yang lebih tinggi dan pindahan dana kepada badan berkanun. Perbelanjaan pembangunan juga meningkat dan disalurkan terutamanya ke dalam sektor perdagangan dan perindustrian, serta kemudahan awam. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan mencatat defisit fiskal sebanyak RM5.8 bilion atau 2.6% daripada KDNK pada suku pertama (S1 11: -2.5% daripada KDNK). Defisit ini telah dibiayai melalui peminjaman dalam negeri. Pada akhir bulan Mac 2012, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan berjumlah RM470.8 bilion atau 51.3% daripada anggaran KDNK 2012.

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Hasil	39.8	47.7	185.4	47.9
% pertumbuhan	*38.4*	*4.0*	*16.1*	*20.4*
Perbelanjaan mengurus	38.7	54.5	182.6	45.6
% pertumbuhan	*21.2*	*23.6*	*20.4*	*18.0*
Akaun semasa	**1.1**	**-6.9**	**2.8**	**2.3**
% daripada KDNK	***0.5***	***-3.0***	***0.3***	***1.0***
Perbelanjaan pembangunan kasar	6.4	19.1	46.4	8.5
% pertumbuhan	*-12.0*	*-8.4*	*-12.1*	*32.3*
Imbangan keseluruhan	**-5.2**	**-25.4**	**-42.5**	**-5.8**
% daripada KDNK	***-2.5***	***-11.1***	***-4.8***	***-2.6***
Memo:				
Jumlah perbelanjaan kasar	45.1	73.6	229.0	54.1
% pertumbuhan	*15.0*	*13.4*	*12.0*	*20.0*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	430.2	456.1	456.1	470.8
% daripada KDNK	*48.8*	*51.8*	*51.8*	*51.3*
Hutang dalam negeri	414.2	438.0	438.0	453.9
% daripada KDNK	*47.0*	*49.7*	*49.7*	*49.4*
Hutang luar negeri	15.9	18.1	18.1	16.9
% daripada KDNK	*1.8*	*2.1*	*2.1*	*1.8*

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan